# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 41 — RABU 11HB. OKTOBER, 1978. — 1398 رابو 9 ذوالقعدة — PERCHUMA


## PESUROHJAYA TINGGI BRITISH DI-BRUNEI YANG BARU

PEJABAT Luar dan Komanweal di-London telah menamakan Pesurohjaya Tinggi British ka-Brunei yang baru. Beliau ia-lah Awang Arthur Christopher Watson, bekas Governor Kepulauan Turks dan Caicos.

Awang Arthur Watson, 51 tahun, menggantikan Awang J. A. Davidson yang telah menamatkan perkhidmatan dalam bulan lalu dan akan memegang jawatan sa-bagai Governor di-Kepulauan Virgin.

Saperti Awang Davidson, Awang Watson juga pernah berkhidmat dengan Angkatan Laut Diraja British dalam tahun 1945.

Awang Watson ia-lah sa-orang pegawai dalam Perkhidmatan Awam British Seberang Laut di-Uganda yang berkhidmat sa-bagai Ketua Penolong Setia Usaha Kementerian Hasil Bumi dan Ayer dalam tahun 1951 hingga 1963.

Sa-telah itu beliau bertugas sa-bagai Setia Usaha Pertama di-Pejabat Perhubongan Komanweal dalam tahun 1963 dan dalam tahun 1964, beliau di-tugaskan di-kedutaan British di-Karachi sa-bagai Setia Usaha Pertama.

Dalam tahun 1967, beliau telah berkhidmat di-Pejabat Luar dan Komanweal. Sa-belum menjadi Governor Kepulauan Turks dan Caicos dari tahun 1975 hingga 1978, beliau telah berkhidmat di-Anguilla sa-bagai Pesurohjaya Tinggi dari tahun 1971 hingga 1974.

Awang Watson, bersama keluarga-nya di-jadualkan tiba di-Brunei akhir bulan ini.

## *Sambutan Keputeraan D.Y.M.M. di-Lumapas*

KAMPONG LUMAPAS. — Pendudok2 Kampong Lumapas di-Daerah Brunei-Muara akan mengadakan sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-32 tahun sa-lama tiga hari.

Sambutan yang bermula pada 13hb Oktober ini di-jadualkan akan di-rasmikan oleh Setia Usaha Kerajaan, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam satu majlis di-Dewan Sekolah Melayu Lumapas.

Beberapa achara akan di-adakan sa-masa perayaan itu, termasok permainan pencharagam dari pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, perlawanan2 tarek kalat, bola sepak dan perlumbaan rentas desa.

Persembahan Malam Aneka Warna juga akan di-adakan pada 14hb Oktober bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Lumapas.

Orang ramai khas-nya pendudok2 di-sekitar kampong tersebut ada-lah di-persilakan hadhir menyaksikan achara2 sa-masa sambutan itu.



Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad.

## Perkembangan tentera membantu mempertahankan kedaulatan negara

BERAKAS. — Perkembangan tentera yang pesat dalam membolehkan kita mempertahankan kedaulatan negara kita ada-lah merupakan satu sumbangan yang penting bagi negara kita menchapai taraf kemerdekaan dalam tahun 1983.

Untok memperolehi kejayaan dalam menchapai matalamat itu ia-nya ada-lah memerlukan sambutan dan sokongan daripada raayat negeri ini yang mempunyai kelayakan bagi memasoki lapangan tentera.

Ini telah di-jelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB ketika beruchap di-upachara perbarisan tamat latehan bagi 60 orang lepasan rekrut pengambilan ke-45 pagi Jumaat lalu.

Beruchap sa-telah selesai memereksa perbarisan dan menerima tabek hormat dari rekrut2 di-Perkhemahan Bolkiah disini, YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa berkata, pasokan tentera hari ini ada-lah merupakan satu pasokan yang amat kompleks maka sejajar dengan kemajuan sains dan teknoloji ketika ini kelengkapan2 tentera juga mesti bergerak mengikut perkembangan itu.

Justeru itu, kata-nya lagi, pasokan AMDB tidak kalah dalam mengikuti perkembangan tersebut, bagaimanapun pasokan itu memerlukan kemahiran teknikal yang amat tinggi bagi pemeliharaan senjata2, kapal2 ronda dan pesawat2 helikopter yang ada.

YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa seterus-nya mengakui yang pasokan AMDB maseh kekurangan ahli2 teknikal dari anak2 tempatan, namun demikian usaha telah di-buat antara-nya memasokkan ahli2 teknikal luar negeri di-samping melateh anak2 tempatan dibidang itu dalam usaha mengambil aleh tugas orang2 luar tersebut.

Bagaimana pun untok memperchepatkan proses pengambilan aleh itu, YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad berseru supaya anak2 tempatan yang sedia terlateh di-bidang teknikal akan menumpukan minat mereka dan bersedia untok berkhidmat di-lapangan tentera.

Menyentoh dengan tugas2 yang akan di-pikul oleh lepasan rekrut2 itu, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB berkata, bahawa latehan2 yang telah di-terima tidak-lah terbatas kapada latehan2 asas rekrut sahaja, malah mereka akan di-berikan peluang untok mempelajari berbagai2 kemahiran sejajar dengan perkembangan pasokan itu yang dilengkapi dengan perkakas2 moden dan terbaik.

Lihat muka 16

## Minggu Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Minggu Kesihatan akan di-adakan dalam bulan ini. Majlis perasmian-nya akan di-laksanakan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan, Yang Berhormat Dato Dr. Haji Johar di-Bilek Kuliah Bangunan Peringatan Churchill pada 23hb Oktober ini. Majlis perasmian itu akan di-ikuti oleh satu Seminar Mengenai Kebersehan Makanan.

Di-akhir Minggu Kesihatan itu hadiah2 akan di-sampaikan kapada para ibu yang menyusukan anak2 damit mereka dengan susu mereka dan di-samping itu hadiah2 juga akan di-berikan kapada anak2 damit paling sihat yang menyusu susu ibu mereka.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri (kanan), Awang Haji Badaruddin bin Haji Othman (kiri) dan Awng Mohd Zaini bin Mohd Daud telah bertolak ka-India pada minggu lalu untok menjalankan penyelidekan mengenai hubongan2 sejarah antara negeri tersebut dengan Brunei. Rombongan tersebut juga akan pergi ka-Pakistan dan Timor Tengah untok tujuan yang sama.

Isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri juga turut dalam rombongan tersebut.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

11HB OKTOBER, 1978

## MEMBENTOK WARGA-NEGARA YANG BERDISPILIN

UNTOK membentok sa-buah warga-negara yang benar2 bertanggong-jawab, taat dan patoh kapada peratoran2 dan undang2 serta berguna kapada bangsa dan negara ada-lah merupakan suatu usaha dan peranchangan yang tidak mudah untok di-laksanakan sekali pun negara kita sudah mempunyai sistem pendidekan dan pembelajaran yang terator dan sempurna, namun usaha demikian tidak-lah semudah saperti untok kita membentok warga-negara yang sehat, chergas tuboh badan dan cherdas pemikiran-nya yang boleh kita peranchangkan menerusi kegiatan sokan dan olah raga.

Satu perkara yang maseh merupakan masaalah masharakat dan negara sa-hingga ini ia-lah mengenai keselamatan murid2 dan penuntut2 di-jalan-raya2 saperti mana yang di-jelaskan oleh Awang Ahmad bin Haji Jumat, Pengarah Pelajaran ketika merasmikan Peraduan Permainan Lalu-lintas anjoran Sharikat Minyak Shell di-Daerah Brunei dan Muara baru2 ini.

Awang Ahmad dalam uchapan-nya itu telah menegor sikap KEBANYAKAN murid2 dan penuntut2 di-negeri ini yang kedapatan tidak memperdulikan peratoran2 jalan-raya di-mana perkara itu kata-nya sunggoh membimbangkan.

Betapa tidak dengan jumlah murid2 dan penuntut2 yang sudah melebehi angka 40 ribu orang dan merupakan jumlah $\frac{1}{4}$ dari keramaian penghuni negeri ini sa-bagai kelompok manusia yang terbesar menggunakan jalan-raya, maka kebimbangan demikian tidak shak lagi akan sentiasa merumitkan dalam usaha kita untok mengurangkan kejadian2 kemalangan jalan-raya. Namun begitu Awang Ahmad juga sebalek-nya merasa optimis bahawa kemalangan2 saperti itu akan dapat di-kurangkan jika masharakat, murid dan penuntut benar2 mematohi peratoran2 dan undang2 berkenaan.

Soal-nya dapat-kah murid2 dan penuntut2 itu mempelajari hal ehwal lalu-lintas saperti mana juga mereka mempelajari mata-pelajaran2 akedemik yang lain ?

Dalam hubongan ini apa yang penting kita tanamkan kapada mereka ia-lah suatu sikap yang boleh menjaminkan mereka mengerti akan peri mustahak-nya mendisiplinkan diri yang mana dari sikap ini akan dapat mendorongkan mereka berdisiplin kapada keluarga, masharakat dan negara dalam usia yang begitu muda dan mudah pula di-asoh dengan sempurna.

Mendisiplinkan diri mematohi sebarang perkara yang merupakan chiri2 kemasharakatan atau 'sivik' ada-lah memerlukan satu kajian dan peranchangan yang teliti di-samping melalui proses saikoloji yang sempurna dan terator. Saperti juga mendisiplinkan murid2 dan penuntut2 supaya taat dan mengikuti segala pelajaran akedemik yang di-berikan kapada mereka di-sekolah2 yang merupakan tujuan asas mereka itu di-hantar ka-sekolah, maka mendisiplinkan diri mereka supaya patoh kapada peratoran2 dan undang2 lalu-lintas terutama-nya ada-lah memerlukan suatu bentok pengajaran yang tersendiri dari para guru dan pehak sekolah.

Betapa dalam perkara ini suatu hari nanti, apa akan terjadi kapada masharakat kita andai-nya golongan pelajar dan murid hari ini yang bakal pewarith jenerasi dewasa di-hari esok akan hidup chuina dalam satu dunia ia-itu hanya pandai dan lulus dalam ilmu akedemik di-berbagai lapangan, tetapi gagal mempunyai perasaan patoh dan taat dalam perkara yang bersifat kemasharakatan, tegas-nya tidak berdisiplin dan berperatoran dalam hidup bermasharakat.

Justeru itu manusia . . . "yang hidup berdisiplin sejak ia maseh lagi kanak2 akan menjadi orang2 dewasa yang matang dalam segala tindak-tandok dan pemikiran-nya, kerana ia dapat mempraktikkan tabiat-nya yang baik itu bukan sahaja sa-takat mematohi undang2 lalu-lintas, malah pada keselurohan undang2 negara."

Kerajaan dalam perkara ini telah pun berusaha dan mengambil perhatian yang wajar terutama daiam keselamatan sa-tiap murid dan penuntut yang menggunakan jalan-raya akan benar2 terselamat dari mala-petaka itu umpama-nya membena jejatas dan menempatkan pegawai2 pulis lalu-lintas di-waktu2 sekolah2 di-buka.

# SENARAI PERUBAHAN HARGA2 KERETA YG DI-PERSETUJUI OLEH PENGAWAL HARGA

BERIKUT ia-lah senarai Perubahan dan Kenaikan harga2 kereta bagi empat buah ajen penjual kereta dinegeri ini yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga.

## Goh Hock Kee Motors

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DAIHATSU CHARADE 1,000 c.c. (XTE). Model : G10R-GKG | $ 9,151.00 | $ 9,921.00 |
| DAIHATSU CHARADE 1,000 c.c. (XTE). Model : G10R-GMG (5 Speeds) | $ 9,810.00 | $10,216.00 |
| DAIHATSU CHARADE 1,000 c.c. (XTE). Model : G10R-GMG (5 Speeds) Air-Condition | $11,097.00 | $11,503.00 |
| DAIHATSU JEEP 1,600 c.c. Model : F20LK | $14,641.00 | $15,140.00 |
| DAIHATSU JEEP HARD-TOP 1,600 c.c. Model : F20V | $15,379.00 | $15,878.50 |

## Peniaga2 Borneo (Borneo Traders)

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| COLT LANCER 1400 SEDAN Model : A72 ER, headrests, seat belts, tilted adjustable steering etc. | $10,808.00 | $11,210.00 |
| COLT LANCER DELUXE 1400 SEDAN. Model : A72 LXR, radio, console box, tinted glass, seat belts, headrests etc. | $11,315.00 | $11,785.00 |
| COLT LANCER 1400 SL SPORT SEDAN. Model : A72 NUSR, clock, radio, console box, seat belts, headrests, tilted adjustable steering, tachometer, etc. | $11,775.00 | $12,177.00 |
| COLT GALANT LAMDA 1600 COUPE. Model: A121 ACNUR clock, cassette player, radio, seat belts, headrests, tilted adjustable steering reclining seat, oil pressure gange, tachometer, ammeter etc. | $16,447.00 | $16,972.00 |
| COLT GALANT LAMDA 2000 COUPE. Model : A123 ACNGR radio, cassette, sports wheels, tinted glass with demister, tachometer, clock, floor carpets, console box, seat belts etc. | $19,096.00 | $19,766.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 SEDAN. Model : A121 AUR, clock, tinted glass with demister, tilted adjustable steering, radio, etc. | $13,070.00 | $13,565.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 GL DELUXE SEDAN. Model : A121 AJR, clock, radio, console box, seat belts, headrests, tilted adjustable steering, reclining seat, adjustable seat lever etc. | $13,657.00 | $14,122.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 GS SEDAN. Model: A121 ANGSR, radio, clock, console box, seat belts, headrests, tinted glass with demister, reclining seats, tilted adjustable steering, tachometer etc. | $14,372.00 | $14,854.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 (Automatic) SEDAN. Model : A121 AKJR, radio, headrest, seat belts, console box, seat adjusting lever, tilted adjustable steering, tinted glass with demister etc. | $15,000.00 | $15,455.00 |
| COLT GALANT SIGMA 1600 STATION WAGON. Model : A121 VJR, seat belts, console box, clock, tilted adjustable steering, reclining seat etc. | $14,650.00 | $15,285.00 |
| COLT GALANT SIGMA 2000 DELUXE SEDAN. Model: A123 ANJR, radio, clock, tinted glass, reclining seats, headrests. console box etc. | $15,329.00 | $15,929.00 |

## Happy Motoring Company

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| HONDA CIVIC D2 Model : 1250 c.c. 2-Doors, safety belts, headrests, heater, cigarette lighter and carpet | $ 8,679.00 | $ 9,058.00 |
| HONDA CIVIC D3 Model : 1250 c.c. 3-Doors, safety belts, tinted glass, headrests, cigarette lighter | $ 8,900.00 | $ 9,280.00 |
| HONDA CIVIC D5 Model : 1250 c.c. 5-Doors, safety belts, tinted glass, headrests, cigarette lighter | $9,662.00 | $10,050.00 |
| HONDA ACCORD COUPE DELUXE — D3 Model : C160 G3C-3-Doors, radio, tinted glass, cigarette lighter, air-blower, safety belts. headrests, clock, heater and rear-defogger | $12,738.00 | $13,210.00 |
| HONDA ACCORD COUPE DELUXE AUTOMATIC — D3 Model : C160 A3-3-Doors, radio, tinted glass, cigarette lighter, air-blower, safety belts, headrests, clock, heater and rear-defogger | $13,112.00 | $13,584.00 |
| HONDA ACCORD SALOON DELUXE — D4 Model: C160 G4C-4-Doors, radio, tinted glass, cigarette lighter, air-blower, safety belts, headrests, clock, heater and rear-defogger | $13,488.00 | $13,960.00 |
| HONDA ACCORD SALOON DELUXE AUTOMATIC. Model : 4-Doors, radio, tinted glass, cigarette lighter, air-blower, safety belts, headrests, clock, heater and rear-defogger | $13,907.00 | $14,379.00 |

## Sharikat Motor Tang Ching Ying

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DATSUN 100A 2-Doors Sedan (STD). Model : BF10SRU | $ 9,450.00 | $ 9,830.00 |
| DATSUN 120A 4-Doors (DX) Model : F10UW | $10,140.00 | $10,530.00 |
| DATSUN 140J 4-Doors Sedan (DLX). Model : A10UD | $11,600.00 | $12,027.00 |
| DATSUN 160J SSS Sedan (DX) Model : PA10GKU | $13,338.00 | $13,823.00 |
| DATSUN 160J 4-Doors Sedan (DLX). Model : PA10UD | $12,030.00 | $12,490.00 |
| DATSUN 160J WAGON (DLX) Model : WPA10UD | $12,768.00 | $13,218.00 |
| DATSUN 180K SEDAN Model : FC210DU | $14,850.00 | $15,380.00 |
| DATSUN 180K SEDAN Model : PC210DUC. Air-Condition | $16,260.00 | $16,800.00 |
| DATSUN 240K GT SEDAN Model : MGC210VFUCLI | $20,600.00 | $21,200.00 |

2. Perubahan dan Kenaikan harga2 yang tersebut di-atas ada-lah terta'alok kapada turun dan naik-nya nilai mata wang Jepun (wang ringgit Jepun) aan sa-tiap perubahan itu terlebeh dahulu di-persetujui oleh Pengawal Harga.

3. Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui, yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon number 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

# 16 PEOPLE HONOURED

LONDON. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah has bestowed awards on sixteen people at an investiture ceremony held at the Grosvenor House here.

Heading the honours list was Mr. Charles Fletcher Cooke who received the Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei, SPMB, First Class.

The Darjah Setia Negara Brunei, DSNB, Second Class was awarded to Mr. J.C.Le Quesne.

The former Commissioner of Lands, Mr. B.C. Cartland, was awarded the Darjah Paduka Seri Laila Jasa, DSLJ, Second Class while Mr. J. Welch received the Darjah Paduka Seri Laila Jasa, SLJ, Third Class.

Mr. R.G. West Brooke-Pike received the Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei, SMB, Third Class.

Four people received the Pingat Hassanal Bolkiah Sultan, PHBS, First Class.

They are the Attorney-General, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Setia Awang Haji Abdul Wahab, Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkerma Wijaya Major Dato' Paduka Awang Hussin and Dato Paduka Awang Mohammad Tahir bin Metassan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien and Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah were among seven people awarded the Pingat Bakti Laila Ikhlas PBLI.

The others are the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lieutenant Colonel Pengiran Ibnu, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Setia Awang Haji Mohammad Taha and Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Laila Jasa Awang Nawawi.

## Kampong mark royal birthday

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kampong Putat and Kampong Kasat in the Brunei Muara District held a joint celebration last week at the Putat Malay School to mark the thirty-second birthday of His Highness the Sultan.

The celebration was officially declared open by a Legislative Council member, Awang Abdul Latif bin Hamid.

The celebration included an exhibition of farm produce, weaving, cookery, needle-work and handicrafts.

There were also a football match and a tug-of-war contest between the two kampongs in the afternoon.

The Penghulu of Kampong Putat, Awang Haji Abdul Karim bin Othman, presented the prizes to the winners in the various events.

## 30 more complete training

JALAN MUARA. — Another thirty male recruits of the Royal Brunei Police Force passed out at a parade marking the end of their training at the Police Training Centre here last week.

Taking the salute and reviewing the parade was the Brunei Muara District Officer, Awang Mohammad Salleh bin Haji Hidup, who also presented prizes and certificates to three outstanding recruits of the intake.

They were Awang Rhuziman bin Injan who was best all-round recruit, Awang Jumat bin Salleh the best recruit in law and general police duties and Awang Talip bin Naim the best recruit in drill, riot drill and gymnastics.

The parade was witnessed by the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, other senior police officers, relatives and friends of the recruits.

## Weighing and measuring

BANDAR SERI BEGAWAN. — Officials from the Weights and Measures Department last week began the annual inspection of weighing and measuring instruments.

Specially assigned teams of officials are now at the departments head office here and at the old hospital in Kuala Belait checking the instruments during the next three months.

From November 1, another team will be at No 10 PWD/5 Bukit Bendera in Tutong Town for twelve days to inspect weighing and measuring instruments in the Tutong District.

The team will then proceed to the Rest House in Bangar in the Temburong District where they will work for a week from November 14.

All owners of weighing and measuring instruments are requested to bring their instruments to these officials for inspection.

## HK judge made Commissioner

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan has appointed Mr. William James Silke as the new Commissioner of the Brunei Supreme Court.

The swearing-in ceremony was held at the Istana in the presence of the Timbalan Sultan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae' Walmashuarat Pengiran Muda Haji Mohammad Alam.

Mr. Silke arrived from Hong Kong just over a week ago and will be the Commissioner of the Supreme Court for three years.

He begins his term of office by presiding over the current sitting of the High Court.

## First Day Cover design

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Postal Services Department is inviting artists in the State to design the first day cover to commemmorate the International Children Year next year.

All designs must be submitted to the Postmaster General not later then December 7.

The artist with the best design will be awarded a cash prize of seventy dollars.

## Four for training courses

BANDAR SERI BEGAWAN. — Four government servants left the State last Wednesday to attend training courses in the United Kingdom.

Two of them — Awang Ibrahim bin Haji Jalil and Awang Haji Tahir bin Haji Abdul Wahab — are Senior Supervisors in the Cooperative Development Department.

They will be attending a nine-month course on the management and administration of cooperative societies.

They will take up the course at the Training Centre of the Cooperative College in Loughborough.

The other two are senior police officers, Assistant Superintendent Abdul Rahman bin Haji Tudin and Assistant Superintendent Adnan bin Omar.

ASP Abdul Rahman, who is Assistant OCPD Brunei/Muara, and ASP Adnan, who is the Head of the Brunei Police Cadet Corps, will attend a three-month overseas command course at the Police College Bramshill.

## New Religious school opened

KUALA BELAIT.—Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah last week officially opened the new religious school here.

The school, which has been named after Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, was first used last March.

In his address, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah stressed the importance of the religion and urged parents to encourage their children in studying the religion in order to make them good citizens.

The ceremony was attended by senior government officials.



THE Commissioner of Lands, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin (right) handing over the 'best farm land' award to Awang Mohammad Noor bin Mohammad, one of the many farmers who took part in the Brunei-Muara District Agricultural Show held at the Kilanas Station on October 1.

# FARMER AND HIS FARM MOST IMPORTANT ELEMENTS IN AGRICULTURE

THE following is the first part of the speech by the Director of Agriculture, Awang R. B. Woodroofe at the Brunei-Muara District Agricultural Show held at Kilanas on October 1.

IT gives me the greatest pleasure to welcome our distinguished visitors to this the 4th Brunei Muara District Agricultural Show. I also wish to welcome all farmers, who are competitors and to thank them for the efforts they have made to provide such an excellent display of crops and livestock exhibits. Our thanks are also extended to those visitors farmers or not who have come to see and learn what Brunei agriculture is all about.

COMMERCIAL FIRMS

Agricultural Shows and field days are occasions not only for competition but also provide opportunities for everyone to see and learn something of the efforts being made continually to improve our farming scene. However as all of us are well aware it is only possible to show a small part of the farming scene on a day such as this since much of the day to day work of the farmer and of the staff of the Agricultural Department takes place far afield and continues throughout the year on the many small and larger farms which make up the rural scene in Brunei.

Of course we hope that what is on display is an excellent sample of the results that can and are being achieved but it is only fair to remember that the source of much of the produce on show lies on the farms throughout the district. Indeed we ourselves have endeavoured to take account of this in awarding certain of the prizes here today.

Prizes in various sections are awarded not only on the produce actually displayed but also by inspection of the farms where it was produced.

The most important elements in the agricultural industry are the individual farmer and his farm and I would like to emphasise that the improvement and development of a truly productive and economic farming economy is in every way dependent upon the close cooperation of the farmer who is in the final analysis the actual producer. Without the continued effort and investment made by each and every individual farmer in Brunei we cannot but depend on others for our food.

It is therefore encouraging to see an increasing awareness of the importance of agriculture in Brunei and an increasing willingness on the part of the farmer to cooperate with the Department in taking advantage of all the service and advice we offer. Over the past few years we have experienced a very large increase in demand for the supply of fertilisers and chemicals, mechanical cultivation and veterinary services as well as for the supply of livestock, and advice on every aspect of farm improvement. The range of services provided by the Department has grown rapidly and there is no aspect of the farmers business in which we do not offer technical advice, analytical services, farm input materials or assistance with cultivations, the supply of seeds or other essentials.

Eveeryone in Brunei is aware of the significant and historic event that has just taken place in London where His Highness the Sultan and Yang Dipertuan has initialled the treaty that will lead Brunei to full and complete independence as a Sovereign Nation in 1983.

It is up to each and every member of the community to contribute his share to the development of Brunei in the years up to and beyond 1983 to ensure that Brunei is not only Sovereign and free but economically on an upward and forward path.

Agriculturally we must continue to strive towards greater self sufficiency in these commodities we can produce whilst also produce other commodities for sale overseas in exchange for the world's goods which we must import.

For our part we will continue to provide an increasing range of training and other services, technical advice, materials and machinery as well as help in marketing. Our colleagues in other Departments are actively helping us to ensure that land, irrigation and other facilities are available to the farmer.

In the short term however it is the efforts of the individual farmer in growing rice or vegetables or tree crops and in rearing livestock that are essential if we are to turn our knowledge into food and make the land of Brunei fruitful and productive.



GAMBAR atas menunjokkan kumpolan jemaah haji yang bertolak dalam penerbangan kedua pada hari Jumaat 6hb Oktober yang lalu ketika menaiki kapalterbang Diraja Brunei sa-jurus sa-belum bertolak ka-Singapura di-mana mereka menaiki kapalterbang Sharikat Penerbangan China menuju ka-Jeddah.




# PERJUDIAN BOLEH MEROSAKKAN SEGALA2-NYA YANG BERHARGA

MELALUI akhbar Pelita Brunei, radio dan talivishen, satu amaran telah di-keluarkan oleh pehak pulis tentang ada-nya sindiket2 yang menipu melalui judi. Sindiket2 itu sedang bergerak di-Brunei sekarang, dan menurut kenyataan pulis yang terakhir setakat ini, sindiket2 itu sudah pun berjaya menipu orang2 yang melibatkan diri dengan mereka. Penipuan itu nampak-nya di-lakukan dengan amat lichin dan bijak, sa-hingga sesudah kalah dan wang terbang berpuloh ribu, maka baharu-lah kerasahan diri tertipu. Jadi berdasarkan ini, patut-lah orang ramai benar2 mengambil berat kenyataan pehak pulis itu sa-bagai salah satu chara kita berjaga2 untok menyelamatkan diri dari penjenayah2 yang tidak bertanggong-jawab itu.

Sepatut-nya kejadian ini bukan sahaja harus menjadi pengajaran kapada orang2 yang terlibat, maksud kita mereka yang telah terkena, tetapi juga orang ramai dan umat Islam seluroh-nya wajib-lah ingat semula akan hukum Allah, betapa judi itu telah pun di-haramkan lebeh dari sa-ribu tahun yang lampau, di-samping arak, berhala dan bertenong nasib. Firman Allah dalam Surah Al-Ma'idah ayat 90 yang bererti: "*Wahai orang2 yang beriman, sesunggoh-nya arak, judi, berhala dan bertenong nasib itu ada-lah perbuatan yang keji daripada perbuatan shaitan, maka hendak-lah kamu jauhi perbuatan itu supaya kamu beruntong*".

Melihat kapada akibat2 judi itu tidak ada yang pernah baik, melainkan suatu faktor yang membawa kechelakaan hidup, maka sa-harus-nya kita menyedari bahawa sebab itu-lah Allah mengharamkan-nya. Kegiatan berjudi bukan sahaja merugikan bagi yang melakukan-nya, bahkan juga dengan sendiri-nya merugikan negara dan masharakat. Perjudian boleh merosakkan segala2-nya yang berharga, termasok keamanan yang menjadi idaman semua orang. Kerana judi, rumah-tangga boleh porak-peranda, kerana judi, suami-isteri boleh bercherai, kerana judi, anak yang di-kasehi tidak terurus makan — pakai-nya, sekolah-nya, kerana judi orang bergadoh dan bahkan ada yang sampai berhunoh2an. Pendek-nya kerana judi itu, bermacham2 penyakit masharakat boleh berlaku melumpohkan segala2-nya.

Oleh kerana itu, wahai kaum Muslimin! sekali lagi di-serukan, mari-lah kita sama2 ingat bahawa judi itu, bagaimana pun jenis dan bentok-nya ada-lah tetap haram, menyalahi hukum Allah dan Ugama Islam. Siapa yang melakukan-nya berdosa besar dan di-akhirat tidak akan selamat, dan malahan di-atas dunia ini pun juga nasib-nya (nasib si-penjudi) itu pada lazim keadaan tidak akan beruntong.

---

## Pembetulan

**KELUARAN Khutbah Jumaat minggu lalu terdapada ruang satu, dua dan empat, oleh yang demikian perkataan itu hendak-lah di-ubah menjadi 'ZAHID'.**

**Manakala perkataan 'HASAD' pada ruang dua, baris 15, hendak-lah di-tukar kapada 'HAD' dan perkataan 'AL-JAUJI' ruang dua, baris 40, hendak-lah di-tukar sa-bagai 'AL-JAUZI'. — Pengarang.**

# Tegoran dan nasehat bukan bererti menchabuli pembawaan

**Bingkisan minggu ini**

SA-TIAP orang ada chara pembawaan-nya yang tersendiri. Ia bebas memileh apa jua gaya pembawaan yang ia mahu untok diri-nya. Dari chara pembawa-an-nya itu pula sedikit sebanyak akan memberi kesan kapada peribadi dan akhlak-nya. Dan chorak peribadi-nya itu pula ada-lah di-hakimkan oleh masharakat berdasarkan perlaksanaan pembawaan-nya itu di-mana ia menjadi ahli di-dalam-nya.

Mungkin dalam membawa gaya yang tersendiri itu sa-tengah orang menyangka bahawa ia boleh melakukan sa-mahu-nya. Ia boleh chakap apa yang ia mahu chakap, ia boleh berpakai apa yang ia mahu pakai, atau di-fikirkan-nya ia boleh berbuat apa yang ia mahu buat.

Alasan yang paling mudah untok melakukan itu ia-lah kerana menyangka segala apa yang akan di-terima-nya baik atau burok, untong atau sebalek-nya, semua-nya itu ada-lah bertanggong atas diri-nya. orang lain di-katakan tidak berhak menchampori-nya. Dan kalau ada orang menegor atau membetulkan sebarang kesilapan atau kesalahan yang di-lakukan-nya ia akan menjawab dengan tegas, 'apa engkau peduli, itu ada-lah halku'. Sekali pandang pendirian ini ada kenyataan-nya.

Kapada sa-orang pemandu mithal-nya yang gemar memandu dengan laju-nya, ia boleh pandu seberapa deras yang ia suka dan di-mana2 saja. Kereta-nya ada-lah milek-nya, wang-nya sendiri di-pergunakan untok membayar-nya, dan kalau ia di-hukom kerana melanggar peratoran lalu-lintas ia sendiri menerima hukoman-nya atau ia membayar denda-nya, dan kalau ia mendapat kemalangan ia sendiri juga menanggong kerugian demikian juga jika ia chedera atau mati, pun orang lain tidak akan rugi.

Begitu-lah barangkali yang di-katakan pembawa-an yang tersendiri. Maka sa-jauh mana-kah sikap itu benar2 tidak melibatkan orang lain atau tidak memerlukan urusan orang lain?

Sa-bagai sa-orang yang hidup dalam masharakat, maka sikap sedemikian itu sa-benar-nya tidak dapat di-pertahankan, malah tidak dapat di-terima. Tidak semua apa yang mahu di-lakukan itu dapat di-pertu-rutkan dengan sa-bebas2-nya.

Ketahui-lah bertindak dengan kehendak sendiri biasa-nya ada-lah di-rangsang oleh hawa nafsu. Jika nafsu sudah mengambil tempat maka gelap-lah pandangan di-hadapan.

Sedangkan menurut nafsu itu boleh membawa kebinasaan yang bukan saja di-tanggong oleh sendiri tetapi juga kapada orang lain. Sebab itu tegoran dan nasehat orang itu bukan bererti menchabuli kebiasaan atau pembawaan kita, tetapi sebalek-nya ada-lah untok kebaikan bersama. Kalau ia di-biarkan, tentu-lah kita melakukan kesilapan itu terus-menerus dan akan lebeh membahayakan lagi. Bukan-kah pepatah kita ada mengatakan 'chubit peha kanan, peha kiri terasa juga'.

Kechanggongan sa-se orang itu dalam masharakat ada lah kerana perlanggaran-nya ka-atas sistem masharakat itu sendiri. Kelainan chara yang di-buat-nya tentu-lah mengujudkan rasa tidak senang kapada masharakat. Kita tidak dapat menegakkan kepentingan sendirian sa-andai-nya kepentingan umom terpaksa di-jejaskan.

Di-dalam Islam, pembawaan sa-orang muslim ada-lah di-bendong oleh peratoran masharakat di-dalam Islam. Ugama Islam telah menyediakan batas2 yang dapat di-lakukan oleh sa-seorang. Segala tindak-tanduk-nya ada-lah di-rujokkan kapada apa yang tersusun di-dalam yang di-katakan peribadi muslim. Sebab itu-lah penentuan batas2 halal dan haram itu ada-lah bagai sandaran sa-seorang Islam.

Tegas-nya panduan pembawaan sa-seorang muslim ada-lah di-dasarkan akhlak dan peribadi Rasulullah s.a.w. kerana Rasulullah ada-lah sa-bagai chontoh akhlak dan beribadi yang mulia.

Kesediaan kita menerima nasehat dan pandangan orang yang berkesedaran itu bukan-lah pula bermakna yang kita itu tidak bijak atau bodoh dari si-pemberi pandangan dan nasehat itu. Apa-tah lagi jika ia dapat menyemaikan kebaikan di-dalam pembawaan kita. Dan lebeh elok lagi jika kita sendiri menyedari kesilapan sendiri agar kita tidak terus menjadi hamba kapada kehendak nafsu yang melulu.

Dan mungkin di-sa-tengah waktu memang kita memerlukan pandangan dan nasehat orang lain, sebab nafsu suka menyuroh kita melakukan kesalahan. Perhatikan sahaia kapada kesah Nabi Allah Yusof dengan nafsu-nya saperti yang terchatit di-dalam Al-Kor'an Surah Yusof ayat 53 yang kira2 bermaksud:

"*Dan aku tidak mampu membersehkan diri (dari kesalahan) kerana sesunggoh-nya nafsu itu suka menyuroh melakukan yang burok, kechuali orang2 yang di-rahmati Allah*".

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11hb Oktober, 1978 hingga ka-hari Selasa 17hb Oktober, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 12hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 13hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 14hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 15hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 16hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 17hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# JEMAAH2 HAJI SELAMAT BERLEPAS KA-JEDDAH

BERAKAS.—Sa-ramai 240 orang jemaah haji negeri ini telah berlepas menuju Jeddah dalam dua penerbangan menerusi Singapura pada hari Khamis dan Jumaat yang baru lalu.

Dalam penerbangan pertama sa-ramai 99 orang jemaah tersebut telah berlepas pada pukol 10.30 pagi 4hb Oktober bagi rombongan pertama dengan di-iringi oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Ketua Pegawai Perhubongan Haji dan rombongan kedua pada 5hb Oktober 9.00 pagi dengan di-iringi oleh Pegawai Perhubongan Haji, ASP Pg. Salim bin Pg. Wahid.

Manakala dalam penerbangan kedua rombongan pertama sa-ramai 57 orang telah berlepas pada hari Jumaat, 6hb Oktober jam 4.15 petang bersama Pegawai Perhubongan Haji, Pengiran Rosman bin Pg. Haji Tengah sementara rombongan kedua dan ketiga yang bertolak satengah jam kemudian saramai 84 orang di-iringi oleh Pegawai Perhubongan Haji, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pg. Damit.

Turut meninggalkan negeri ini di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini dalam menunaikan fardhu haji tahun ini termasok-lah Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar, Pegawai Daerah Belait dan Awang Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Pegawai Daerah Brunei-Muara yang bertolak dalam penerbangan pertama rombongan kedua.

Antara yang menguchapkan selamat belayar kapada jemaah2 haji kita di-lapangan terbang termasok-lah YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan, Ahli2 Yang Berhormat, Cheteria2, Pegawai2 Kanan Kerajaan serta sanak saudara jemaah2 haji.

Penerbangan jemaah2 haji tersebut telah bertolak dari negeri ini dengan menaiki kapal terbang Penerbangan Diraja Brunei ka-Singapura dari Singapura ka-Jeddah dengan Penerbangan China Airlines.

Sa-ramai 284 orang jemaah haji lagi akan bertolak dalam dua penerbangan di-jangka akan bertolak pada Khamis esok dan Jumaat depan.

Dari jumlah itu sa-ramai 147 orang akan bertolak dalam penerbangan ketiga esok bagi rombongan pertama jam 6.00 pagi dengan di-iringi oleh Pegawai Perhubongan Haji, Awang Lamit bin Ibrahim dan rombongan kedua pada jam 9.00 pagi berserta Pegawai Perhubongan Haji, YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Seri Rama Dato Paduka Muhammad bin Momin.

Manakala pada hari Jumaat pula sa-ramai 57 orang bagi rombongan pertama penerbangan ke-empat pukol 4.15 petang akan di-iringi oleh Pegawai Perhubongan Haji, Awg Yaakub bin Haji Ahmad dan rombongan kedua dan ketiga pukol 4.45 petang akan di-iringi oleh Pegawai Perhubongan Haji, Awang Haji Mahalee bin Haji Abdullah.




Jemaah2 haji kumpolan pertama yang telah berlepas pada hari Khamis lalu.



SPEAKER Dewan Majlis, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (dekat kamera), Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (gambar atas), Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan lain2 pegawai kanan Kerajaan telah berada di-lapangan terbang untok menguchapkan selamat belayar kapada jemaah2 haji itu.



Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Mohd Salleh bin Haji Hidup dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ada-lah di-antara yang bertolak dalam penerbangan pertama kumpolan kedua pada hari Khamis lalu.



Lapangan terbang antarabangsa di-banjiri oleh orang ramai untok menguchapkan selamat belayar kapada jemaah haji pada tahun ini.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 5hb Oktober, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   (a) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   (b) Liong Yu Co., No. 58, Jalan Sultan.
   (c) Sin Sing Kee, No. 69, Jalan McArthur.
2. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
3. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   (a) Soon Seng No. 32, Jalan Pretty.
   (b) Fon Soon, No. 60-A, Jalan Pretty.
2. ASAM GELUGOR — $4.20 sa-kati boleh di-beri dari kedai2 berikut:—
   (a) Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty.
   (b) Sharikat M. Haji, No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. SAYOR KINCHAM — $2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $3.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chee Seng, No. 20, Jalan Pretty,
2. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beri dari kedai2 berikut:—
   (a) Soon Kheng, No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
   (b) Haji C. A. Mohammad, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
3. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   (a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   (b) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 14hb hingga 18hb Okt. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 14.10.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 14.10.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 " |
| Sekolah Melayu Lamunin | 14.10.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 " |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 16.10.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 " |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 16.10.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 " |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 17.10.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 17.10.1978 | Selasa | 10.30–11.30 |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 18.10.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 " |
| Sekolah Melayu Serasa | 18.10.1978 | Rabu | 10.00–10.30 " |
| Sekolah Melayu Mentiri | 18.10.1978 | Rabu | 10.45–11.15 " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 18.10.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T-Hari |

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 11hb Oktober, 1978.



GAMBAR kiri menunjokkan Pegawai Perusahaan Kampong Jabatan Pertanian, Dayang Hajjah Rokiah binte Haji Kasah sedang memberikan penerangan mengenai dengan penggunaan rachun serangga kapada peladang2 wanita samasa mereka di-undang untok menyaksikan kawasan kebun sayor di-Kampong Lumapas baru2 ini.

Gambar sebelah kanan pula menunjokkan rombongan saramai 30 orang penanam sayor dari Kampong Tanah Jambu ketika melawat ka-kebun sayor yang di-usahakan oleh pendudok2 Kampong Kapok, Muara. Kebun sa-luas satu ekar itu di-tanami dengan beberapa jenis sayor termasok sayor kobis.

Sementara gambar bawah, kelihatan orang ramai ketika menyaksikan hasil tanam2an yang telah di-pamerkan dalam Pertunjokan Pertanian yang telah di-adakan di-Kilanas pada hari Ahad 1hb Oktober yang lalu.—Gambar2 Jabatan Pertanian.





# PERUBAHAN UJIAN MEMANDU KERETA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pengangkutan Darat telah membuat satu peratoran baru bagi mereka yang akan menjalani ujian memandu. Mengikut peratoran baru yang mula di-kuatkuasakan dalam bulan ini, semua keputusan ujian memandu yang telah di-jalankan oleh Pemereksa Kenderaan akan di-beritahu melalui surat.

Langkah tersebut, menurut Pengawal Pengangkutan Darat ada-lah untok memberikan kemudahan kapada mereka yang telah menjalani ujian supaya tidak perlu lagi menunggu lebeh lama di-pejabat itu untok mengetahui keputusan ujian mereka.

Di-samping itu, beliau juga mengingatkan bahawa walaupun mereka telah lulus, tetapi mereka belum mempunyai lesen yang sah sa-hingga lesen memandu di-keluarkan.

Kata-nya, pehak Jabatan Pengangkutan Darat akan mengirimkan borang bagi mendapatkan lesen memandu kapada mereka yang telah lulus ujian, sementara mereka yang gagal pula akan di-beritahu perkara2 yang menyebabkan mereka gagal itu.

Beliau juga mengingatkan bahawa waktu ujian di-Pejabat-nya di-Jalan Gadong dan di-Kuala Belait telah di-ubah. Dari itu pemohon2 untok menjalani ujian memandu ada-lah dinasehatkan supaya menghubongi2 pejabat2 yang berkenaan untok mendapatkan waktu ujian tersebut.

Pengawal Kenderaan Darat juga menasehatkan terutama sekali kapada pemandu2 yang mempunyai lesen2 memandu sementara supaya tidak belajar atau berlateh memandu dalam kawasan2 pejabat2 Pengangkutan Darat.

# *Hari Peladang Daerah Tutong*

TUTONG. — Jabatan Pertanian Daerah Tutong akan mengadakan Hari Peladang di-kawasan semaian Buah2an Kampong Rambai dan Sawah Padi Persatuan Peladang Kampong Rambai pada hari Ahad 15hb Oktober, 1978.

Thema Hari tersebut yang berbunyi PERKEMBANGAN PERTANIAN BERKEHENDAKKAN SIKAP PETANI YANG POSITIF akan di-selenggarakan bersama oleh pegawai2 dari Jabatan Pertanian Daerah Tutong dan para pendudok Kampong Rambai.

Pada hari tersebut orang ramai yang hadhir, khasnya para peladang dari kawasan2 Rambai, Kuala Ungar, Sungai Damit Pemadang, Belabau, Merimbun, Binutan, Ukong, Panchong dan Bukit akan dibawa melihat dan di-beri penerangan mengenai tanaman padi paya, sayor2an, jagong, sikoi dan semaian lada sulah. Mereka juga akan di-tunjokan bagaimana chara2 melakum dan menyanding pokok buah2an di-jalankan.

SA-RAMAI 25 orang penuntut dan tiga orang pensharah dari Maktab Perguruan Hassanal Bimbingan Kanak2 Nusa Laila Bolkiah Gadong telah mengadakan lawatan ka-Taman Puteri di-Jalan Tutong pada 23hb September yang lalu.

Lawatan tersebut ia-lah bagi meninjau dan memerhati chara kanak2 belajar di-taman tersebut.

Gambar bawah menunjokkan sa-bahagian dari penuntut2 itu bergambar dengan murid2 di-taman tersebut.



PENYELIA Kanan Jabatan Kemajuan Kerjasama, Awang Ibrahim bin Haji Jalil (kiri) dan Awang Haji Tahir bin Haji Abdul Wahab telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Rabu lalu untok mengikuti kursus Sijil Pengurusan dan Pentadbiran Sharikat Kerjasama.

Kedua2 orang pegawai itu akan di-tempatkan di-Pusat Latehan Kerjasama Antarabangsa di-Maktab Kerjasama Loughborough sa-lama sembilan bulan.

Berlepas pada hari yang sama ia-lah dua orang pegawai kanan dari Pasokan Pulis Diraja Brunei.

OCPD Awang Abdul Rahman bin Haji Tudin dan Ketua Kadet Pulis ASP Awang Adnan bin Omar akan mengikuti kursus pemerentah seberang laut sa-lama tiga bulan di-Maktab Pulis Bramshill.

## Sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengawal Kastam dan Bea Brunei mengumumkan bahawa jabatan tersebut kini sedang menjual buku yang berjodol, BRUNEI TRADE CLASSIFICATION 1964.

Buku yang berharga $25.00 sa-naskah itu boleh di-beli di-Ibu pejabat Kastam Diraja di-Jalan MacArthur di-Bandar Seri Begawan.



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 11HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Apple"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 STAR TREK — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod ketiga beias. Charles Estep mendesak Billy untok memperdayakan Rudy, dan kehadhiran Kate di-Whitby menyebabkan pergeseran di-antara Maggie dan Rudy.
7.28 AZAN ISHA
7.32 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BEWITCHED — "Once in a Vial"
9.00 SHOW OF THE WEEK — "The Campbells Are Coming"
9.50 PERLAWANAN GUSTI
10.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 12HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 HOT WHEELS — sambongan
6.30 THE SECRET OF ISIS — "The Cheer Leader"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON
7.28 AZAN ISHA
7.32 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT



MARY berkerja sa-bagai guru di-kawasan pendalaman dan dia telah di-beri amaran mengenai sa-orang ketua wanita yang telah berjaya menghalau guru2 yang terdahulu dari Mary dan dia tidak mengetahui ia akan mendapat kurang layanan dari ibu-bapa2 dan kanak2 di-kawasan itu.

Gambar: Mary Ingalls menggunakan dua biji buah epal untok mengajar "menchampor" kapada sa-orang pelajar dalam tugas baru-nya.

9.00 DOKUMENTARI MELAYU — Audubon Wildlife Theatre "Soliloquy of a River" Filem ini menggambarkan sa-buah sungai dari mata ayer-nya untok memperlihatkan bahawa kehidupan liar bergantong pada sumber ayer dan makanan ini. Anak2 beruang, rakoon, kijang, keldai dan lain2 binatang yang di-perlihatkan dengan menggambar sa-chara dekat.
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.
6.12 AZAN MAGHRIB

## JUMAAT — 13HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 AL-KESAH
5.30 PADDINGTON BEAR
5.40 THE LEARNING TREE
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 THE MUPPETS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GENERATION GAME
7.28 AZAN ISHA
7.32 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE GOOD LIFE — "The Last Posh Frock" — Program terakhir bagi siri ini.
9.30 THE WATER MARGIN — Episod 25 Kao Chiu mengatakan pertemuan di-antara Lin Chung dengan sahabat lama-nya dan pegawai Imperial Guard.
10.20 MYSTERY MOVIE: Banacek "Horse of a Slightly Different Colour" George Peppard sa-bagai Thomas Banacek, sa-orang pakar dalam menyelesaikan misteri2 yang ganjil.
11.50 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 14HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 THE LOST ISLAND — The Treasure of Tambu.
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "What Next?"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DOCTORS' HOSPITAL — "Point of Maximum Pressure" Dalam kesah kali ini kita akan dapat menyaksikan lebeh banyak kejadian2 yang menarek dalam hospital Amerika yang moden ini.
7.28 AZAN ISHA
7.32 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI
9.00 ERIC SYKES
9.30 STARSKY AND HUTCH — "Manchild on the Street"
10.20 PREMIER SOCCER



APABILA wartawan terkenal Tess Harding, sa-bagai tetamu dalam satu majlis perbinchangan di-talivishen menganggap sokan sa-bagai "satu pemburuan kuno", penulis sokan Sam Craig, kaki-tangan akbar yang sama, menulis dalam satu halaman membantah pendapat-nya.

Permusohan itu semakin memunchak dan pehak Pengarang memerentahkan supaya Tess dan Sam datang ka-pejabat-nya untok menyuroh mereka menghentikan pertelingkahan mereka. Ia merupakan pertemuan pertama bagi mereka. Pertembongan antara "macho" dan "women's lib" itu membawa kapada hubongan romance yang tidak dapat di-elakkan.

Perhubongan sering menghadapi keributan tetapi memberikan peluang pada para penunton untok bergelak ketawa.

GAMBAR: Renee Taylor dan Joe Bologua, sabagai Tess Harding dan Sam Craig dua orang wartawan dalam tayangan gambar malam hari Sabtu ini.

11.10 TAYANGAN MALAM SABTU: "Woman of the Year"
12.40 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 15HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Bunyi"
5.30 DAISY DAISY
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Amusement Park Amazement"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 ATOM ANT — sambongan
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Horse Thieves"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "The Hulk Breaks Las Vegas"
7.28 AZAN ISHA
7.32 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 PUSPARAMA
9.20 HARD TIMES — Bahagian ke-empat
10.10 THE COLLABORATORS
11.00 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 16HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Whisper Country"
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Antique Angels"
7.26 AZAN ISHA
7.30 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BAHAS
9.00 WORLD OF SPORT — "Sport in the Autumn"
9.30 BIG HAWAII — "Graduation Eve" Match dan Oscar di-lantek sa-bagai pegawai polis sementara tetapi mereka tidak begitu berminat dalam tugas2 ini.
10.20 SURVIVORS — "Long Live the King" Apabila Greg dapat mengadakan perhubongan2 dan mata wang di-antara lapan ribu orang, nampak-nya satu kerajaan pusat dapat di-tubohkan.
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 17HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LUCAN — "How Do You Run Forever?" Pertemuan Lucan dengan sepasang suami isteri yang mengetahui sa-bagai ibu bapa-nya yang hilang itu, serta merta terputus bila mana sa-orang penembak yang di-upah di-dapati menyelesaikan satu permusohan lama.
7.26 AZAN ISHA
7.30 LUCAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 KEBUN KITA
9.30 BARETTA — "Count the Days I'm Gone" Episod terakhir dalam siri ini.
10.20 DOKUMENTARI: Whicker's World "Houston: A Gun is a Funny Animal"
11.10 SIARAN TAMAT.



GAMBAR di-atas, Dayang Kalsum (di-kiri) sedang di-tem uramah oleh Pegawai Ranchangan Radio, Dayang Zainab Haji Mohd. Taha untok ranchangan Dari Bengkel Penulis.

## "KALAU-LAH AKU TAHU" di-pileh sa-bagai skerip terbaik bagi bulan Sept.

SKERIP drama Radio 'Kalau-lah Aku Tahu' memenangi hadiah bulanan RTB, $100.00. Karya sastera terbaik bagi bulan September 1978 itu, di-hasilkan oleh penulis kita Dayang Kalsum bte Limat, salah sa-orang ahli dari Bengkel Penulis, RTB.

Dalam drama itu, Dayang Kalsum mencheritakan kisah sa-orang penuntut yang melibatkan diri-nya dalam menggunakan dadah yang di-luar dari pengetahuan kedua orang tua-nya.

Akibat dari perbuatan penuntut yang selalu membuhongi kedua orang tua-nya, menipu diri-nya sendiri dan tidak mengindahkan nasehat2 dari pehak yang lain itu, akhir-nya atas perbuatan-nya yang merbahaya itu dia sendiri (penuntut) menanggong penderitaan dan menemui ajal-nya.

Itu-lah kesah penuntut yang terlibat dalam dadah yang dapat di-cheritakan oleh Dayang Kalsum yang terpileh sa-bagai penulis skerip drama Radio yang terbaik kali ini.



## Kandongan S.A.S. minggu ini

MINGGU ini adek2 harus bergembira. KENAPA? Kerana ruangan yang adek2 gemari dan sudah lama di-hentikan akan dapat adek2 saksikan di-dalam ranchangan S.A.S. Ruangan-nya ia-lah 'SAYA MAHU'. Untok memulakan ruangan ini, kita kali ini akan di-bawa oleh 4 orang adek melawat 'STUDIO 'A' RTB, BRUNEI', di-mana mereka akan menchoba membuat pekerjaan2 yang di-buat oleh kaki-tangan2 yang bertugas di-sana sa-masa rakaman di-jalankan.

Sa-lain dari 'SAYA MAHU', adek2 juga akan di-hiborkan dengan achara2 saperti 'SENYUM SA-BENTAR,' 'SILAP MATA', CHERITA dengan Abang Ahad dan saterus-nya.

## Panduan Pelajar

'CHALON2 yang dapat menunjokkan kematangan dalam mengupas, mengembang dan mengolahkan isi satu2 mata pelajar dari kertas Am yang di-maksudkan itu, sa-chara gaya atau pun persembahan yang tersendiri yang menunjokkan keaslian itu-lah yang lebeh baik'. Demikian pendapat salah sa-orang peserta jemputan yang membinchangkan tajok 'Chara2 Umum mempelajari Kertas 'Am sabagai Satu Mata Pelajaran' dalam ruangan Panduan Pelajar minggu ini.

Tajok di-atas akan di-binchangkan oleh tiga orang peserta jemputan, dalam keluaran Panduan Pelajar pada hari Jumaat 13hb Oktober, 1978, jam 3.30 petang.

Sementara itu, ruangan Panduan Pelajar bagi keluaran hari Ahad 15hb Oktober, jam 4.30 petang para pelajar sekalian akan dapat pula mengikuti perbinchangan sa-orang guru dan dua orang pelajar-nya, yang membinchangkan satu soalan yang mungkin keluar dari kertas lima, mata pelajaran Sejarah Tenggara Asia.

Selamat mengikuti-nya.

## "Pembalasan" filem Melayu minggu ini

SIPUT Sarawak, Romai Noor dan Rokiah akan membintangi filem keluaran Shaw Brothers minggu depan. Ketiga2 pelakun ini akan dapat awda saksikan dalam cherita 'PEMBALASAN'.

Jangan lupa untok mengikuti apa-kah kandongan isi cherita-nya pada hari Khamis 19hb Oktober, 1978 jam 9.30 malam.

## INTISARI

## JURUACHARA TV

RTB menghendaki juru2 achara
ngan2 TV. Kerja ini ada-la
dap kejayaan satu2 ranchangan. Ia
punya dedikasi terhadap kerja. T
(part-time) tapi penoh bererti dan
Kalau Awang/Dayang ingi
menjayakan kerja yang bertanggong

Kami chuma m

1. *Berwarga-ne*
*belas tahun.*
2. *Berperawak*
3. *Mempunyai*
4. *Berpelajaran*
5. *Mudah bert*

Sila kembalikan
dapati dari BILEK PE
BANGUNAN RADIO
sa-belum 18hb OKTO

## Chara2 men ranchanga

MUSIM durian di-Brun
buah2 yang bermutu.
pekebun2 kita untok bertan
tanian telah pun mengamb
rian dengan besar2an yang
mutu telah dapat di-chant
Kalau pada masa da
belas atau berpuloh tahun
durian, sekarang dengan tu
ka masa itu telah dapat di-
chara lama telah dapat di-
Sa-lain dari itu awda
dok lindongan untok menja
beneh2 semaian dari seran



## Hard Time

PADA hari Ahad ini RTB akan menayangkan episod terakhir dari siri 4 bahagian nobel terkenal oleh Charles Dickens.

Jacqueline Torg (gambar bawah) berlakon sa-bagai Louisa yang mana dalam episod ini terpaksa memileh di-antara Kapten Harthouse yang kachak dan suami-nya Bounderby yang jauh lebéh tua daripada Louisa dan ada-lah amat sukar untok hidup bersama2-nya.

## EHENDAKI

perempuan bagi rancha-
ong-jawab besar terha-
orang2 yang sabar dan
ara ada-lah sementara

n pengetahuan dengan
ertindak-lah segera.

wang/Dayang :

*berumor ka-atas lapan*

*onik.*

*engan penerbit2.*

nohonan yang boleh di-
TV TINGKAT TIGA
EN BRUNEI pada atau

## durian dlm
## un Kita

idak banyak menghasilkan
-sebabkan kegagalan antara
n durian ini. Jabatan Per-
k membiakan tanaman du-
dari jenis durian yang ber-
jaya-nya di-negeri kita ini.
aksa menunggu hingga ber-
i hasil tanaman pokok buah
anam chara tamadun, jang-
 mana kesilapan2 bertanam

orkan untok membena pon-
al kegiatan2 tumbohan dan



## SIRI BARU: THE COLLABORATORS

SATU siri suspen baru yang mengesahkan kerja2 menarek yang di-jalankan oleh saintis2 forensik yang berkerja bersama2 dengan pehak polis, menyingkap detail2 dan kejadian2 yang membawa kapada kes2 jenayah. Siri ini akan melibatkan penunton ka-dunia ganjil dalam teknik2 mengesan jenayah sachara moden, dengan mula2 sekali membawa kita kepemandangan jenayah, kemudian ka-rumah steshen dan makmal forensik di-mana misteri itu di-bongkar.

Siri ini akan dapat di-saksikan pada hari Ahad jam 9.15 malam.





GLEN Campbell dan Peter Sellers mengingatkan para penunton akan permusohan di-antara suku2 kaum Scots, beliau memakai pakaian kebangsaan ia-itu maxi-kilt yang panjang-nya hampir2 kepergelangan kaki dan janggut merah-nya yang berjurai2. Jangan lupa saksikan-lah SHOW OF THE WEEK malam ini yang di-penohi dengan achara2 lawak jenaka dan nyanyian2.

## The Campbells Are Coming — ranchangan Show of the Week malam ini

ANAK peladang dari Arkansas yang pemalu, berambut perang dan di-besarkan di-ladang ini telah mengator satu daftar nama2 tetamu termasok Buddy Hackett, Steve Lawrence, Peter Sellers, Omar Sharif dan Dinah Shore.

Dalam pertunjokkan ini Glen memperkenalkan ibubapa-nya yang ternyata chuba menunjok2kan bahawa Glen telah mewarisi kebolehan muzikal dari mereka. Glen mengunakan keturunan-nya sa-bagai thema pertunjokkan ini. Nenek-moyang-nya telah berpindah ka-Amerika dari Scotland dan pertunjokkan ini benar2 mempunyai unsor2 bangsa Scot.

Sa-lain daripada itu, kemunchak achara-nya ialah sa-buah lawak jenaka yang di-lakunkan oleh Peter Sellers sa-bagai penyiasat yang pintar dari Scotland Yard terkenangkan sa-buah kes yang paling sukar yang melibatkan satu perbuatan membalas dendam di-antara dua kumpolan bawah tanah dengan Omar Sharif sabagai Cario Fred, ketua satu sendikit yang kejam.

## Doctors' Hospital

PADA hari Sabtu ini akan di-teruskan lagi drama perubatan yang baru, dengan George Peppard sa-bagai Dr Jake Goodwin. Dr Goodwin bertugas di-sa-buah hospital biasa — hospital yang sentiasa penoh sesak dan kekurangan kaki-tangan, tetapi bagai mana pun segala2-nya dapat di-jalankan dengan lanchar oleh-nya.

Ia ada-lah sa-orang lelaki yang begitu berdedikasi terhadap tugas-nya, hinggakan isteri-nya terpaksa meninggalkan-nya kerana jarang2 berpeluang untok menemui-nya. Bagi-nya tugas-nya adalah lebeh penting dari segala-nya, termasok diri-nya.

Jake terus menerus berusaha untok membaiki kualiti dan taraf bidang perubatan. Kakitangan2-nya terpaksa berkerja keras tetapi mereka menghormati-nya kerana mereka menyedari bahawa ia ada-lah sa-orang doktor yang baik. Dalam episod ini "Point of Maximum Pressure", kita akan dapat menyaksikan penghidupan2 yang sukar yang di-lalui oleh doktor2 muda di-hospital Dr. Goodwin.



GEORGE Peppard sa-bagai Dr. Jake Goodwin.

## *BARETTA — siri terakhir*

EPISOD terakhir dalam siri ini akan dapat di-saksikan pada hari Selasa nanti. Dalam kesah "Count The Day I'm Gone", Tony Baretta bersunggoh2 menchari adek kapada sa-orang jururawat yang pemabok.

Gadis yang berusia sembilan tahun ini menghilang sa-lepas satu pembunohan ka-atas sa-orang lelaki buta, tuan punya gerai menjual "hot-dog".

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00— Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan. hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. T/HARI: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan avat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). T/HARI: 12.00— Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00— Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. T/HARI: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; T/HARI: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA

DAYANG Faridah binte Haji Bakar, No. 12, Kampong Kerma Indera Lama, Bandar Seri Begawan akan di-beri peluang untok memileh lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Faridah akan dapat di-ikuti pada hari Jumaat 13hb Oktober, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — The Young Sound with Tajul Ahmad. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper, (Programme 3) "Social Change/Education"; 9.00—What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat). NOON: 12.00 Our Brunei. PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Cloud of Witness" Episode 8 "The Speech for the Defence" by Dorothy L. Sayers; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00—Tales of mystery and Imagination; 10.30 — Close Down.

**The General Paper Programme 9 — Thursday 12th October (8.00-9.00 pm.) Title: "Social Change/Education".**

**Repeat Broadcast of Programme 9 — Friday 13th Ocober (11.00 a.m.-12.00 noon)**

**The General Paper Programme 10 — Sunday 15th October Title: By what means can the people involved in the Government" (11.30 a.m.-12.30 p.m.)**

**Repeat Boardcast of Programme 10 — Monday 16th October at 8.00 p.m.-9.00 p.m. (evening)**

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainer (repeat); 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. NOON: 12.00 — The General Salute by Veronica Shim; 12.30 — News; 12.45 — "Doors to Opportunity" by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The Geneal Paper (Programme 8). "By what means can the people involved in the Government." PM: 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Sixth Form Calling with Tajul Ahmad; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 33rd Cheltenham Festival — "Hoddinott and Provkofiew"; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round ... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00—Sixth Form Calling (repeat). P.M.: 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat); 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 — Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Doors To Opportunity by Jaafar Yaakub; 9.45 — Theatre Forty-Five "Embers" by Samuel Beckett; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. NOON: 12.00 — Top of the Pops. PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Steve Hillage" Side 2; 8.30 — Forum by Vivianti Ali; 9.00 — Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# KDB WASPADA DI-TEPONG TAWAR

PELANCHARAN perkhidmatan KDB Waspada yang di-sudahi dengan merenjiskan tepong tawar dan penyerahan surat tauliah kapada kapal itu telah sempurna di-jalankan di-Dermaga Pengkalan Angkatan Laut Pertama AMDB di-Muara pada Selasa minggu lalu.

Upachara menepong tawar bagi menandakan dengan rasmi-nya perkhidmatan kapal itu telah di-lakukan oleh Datin Hajjah Zaharah, Ketua Pegawai Kebajikan, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Upachara pagi itu telah di-mulakan dengan uchapan oleh Pemangku Pegawai Pemerentah Angkatan Laut Pertama AMDB, Lt Kol David Wright yang kemudian-nya telah menyerahkan surat tauliah perkhidmatan kapada kaptan kapal KDB Waspada Mejar Michael Green.

KDB Waspada yang di-tempah khas untok menggantikan perkhidmatan yang telah di-jalankan oleh KDB Pahlawan telah sampai dari Singapura pada 25hb Sept lalu. Ia-nya telah di-lancharkan pembenaan-nya oleh Datin Hajjah Zaharah pada April, 1977 di-limbongan Vosper Private Berhad di-Singapura. Kapal itu akan di-gunakan sa-bagai kapal pemerentah angkatan tersebut dalam mengawasi keselamatan perayeran Brunei.

Dalam upachara yang turut di-hadhiri oleh pegawai2 kanan AMDB dan di-serikan dengan permainan pancharagam dari Pasokan Pancharagam AMDB pagi itu, Datin Hajjah Zaharah kemudian-nya telah memotong kek bagi meraikan pelancharan perkhidmatan kapal tersebut.





LAWATAN Mejar Jeneral RMF Redgrave MC, Pegawai Pemerentah Tertinggi Pasokan British yang berpengkalan di-Hong Kong ka-negeri ini dan menjadi tetamu kapada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada 10hb hingga 14hb September, 1978 yang baru lalu telah sempat juga berkunjong ka-Markas Pasokan AMDB Battalion Kedua di-Perkhemahan Tutong pada 12hb September.

Kelihatan dalam gambar di-atas pegawai pemerentah itu (memegang tongkat) sedang di-iringi oleh pegawai2 AMDB di-Battalion Kedua ketika lawatan-nya ka-sana.



GAMBAR atas kiri Datin Hajjah Zaharah ketika menepong tawar bahagian hadapan kapal KDB Waspada sa-bagai menandakan rasmi-nya kapal tersebut untok menjalankan tugas2 perondaan dan pengawalan keselamatan perayeran negeri ini. Gambar sa-belah antara tetamu khas di-upachara menepong tawar pagi itu sedang dudok menantikan achara di-mulakan.




# PERBARISAN TAMAT LATEHAN

PENGAMBILAN rekrut yang ke-45 bagi Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah mengikuti latehan asas sa-lama 25 minggu di-Pusat Latehan di-Perkhemahan Bolkiah pada hari Jumaat lepas, 6hb Oktober telah mengadakan perbarisan tamat latehan mereka.

Perbarisan tamat latehan yang di-selubongi oleh keadaan huian pagi itu telah di-sempurnakan oleh YB. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawanan Mohammad bin Haji Daud, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB selaku pegawai yang menerima tabek hormat dan memereksa perbarisan dan juga menyampaikan hadiah2.

Mengiringi dan memeriahkan upachara tersebut ia-lah Pasokan Pencharagam AMDB di-bawah pimpinan Lt. Manaf bin Haji Kamis.

Sa-ramai empat orang rekrut dari jumlah 60 orang pengambilan dan sa-orang jurulateh telah terpileh sa-bagai yang terbaik sepanjang latehan.

Mereka yang terbaik dalam pengambilan tersebut ia-lah rekrut 6250, Kamaluddin bin Haji Ibrahim terbaik dalam semua jurusan; rekrut 6184, Mat Zain bin Momin terbaik dalam menembak M16; rekrut 6230, Martin bin Apoi terbaik dalam menembak HK13 dan terbaik dalam latehan jasmani di-perolehi oleh rekrut 6225, Sani bin Omar, manakala jurulateh yang terbaik di-sandang oleh Kopral Haji Tengah bin Ahad.

Pengambilan ke-45 telah di-lateh oleh Lt. Abdul Ghani bin Haji Abd. Wahab dengan di-sertai oleh 12 orang pembantu — tiga sarjan dan sembilan kopral.



BEGINI-LAH sa-bahagian daripada kelengkapan yang di-pasang di-kapal KDB Waspada yang menunjokkan Bilek Kawalan (Control Room) di-mana dua orang anak kapal sedang bertugas, sementara gambar bawah kiri bahagian kawalan enjin KDB Waspada dengan sa-orang petugas-nya.





GAMBAR menunjokkan YB Pehin OKSD Lt. Kol. Mohammad ketika menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang rekrut terbaik.

# PERLAWANAN PING PONG PERENGKAT AKHIR BAGI SEKOLAH2 MENENGAH

PEKAN TUTONG. — Perlawanan Ping Pong perengkat akhir bagi Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas akan di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Sabtu 14hb Oktober, 1978 mulai jam 2.00 petang.

Enam buah pasokan lelaki dan lima buah pasokan perempuan akan mengambil bahagian dalam perlawanan bagi Sekolah2 Menengah Bawah.

Daerah Brunei-Muara akan di-wakili oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (Junior) dan Sekolah Menengah SMJA dalam dalam bahagian lelaki dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Sekolah Inggeris Berakas dalam bahagian perempuan.

Maktab Anthony Abell Seria dan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin akan mewakili Daerah Belait dalam bahagian lelaki manakala Maktab Anthony Abell dan Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam mewakili dalam bahagian perempuan.

Daerah Temburong akan di-wakili oleh Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan.

Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim lelaki dan perempuan akan mewakili Daerah Tutong.

Dalam perlawanan antara Sekolah2 Menengah Atas pula sa-banyak 14 buah sekolah di-seluroh negeri akan menyertai perlawanan tersebut. Lapan buah dari Daerah Brunei-Muara, empat dari Daerah Belait dan dua dari Daerah Tutong.

Perlawanan tahunan ini di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran.

## Johan Peraduan Zikir

BERAKAS. — Pasokan zikir Battalion Pertama Askar Melayu Diraja dan Kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka 'A' telah munchol sa-bagai johan peraduan zikir lelaki dan perempuan yang di-anjorkan oleh Persatuan PERANGKAB.

Kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka 'A' juga telah di-pileh sa-bagai pasokan yang terbaik keseluruhan dalam peraduan tersebut dan telah memenangi piala rebutan yang telah di-hadiahkan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Tempat kedua dalam bahagian lelaki di-menangi oleh Kelas Zikir Dewan Bahasa dan pemenang ketiga ia-lah Kampong Sungai Kedayan.

Pertubohan Perkumpulan Perempuan—WI mendapat tempat kedua dalam bahagian perempuan dan Kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka 'B' memenangi tempat ketiga.

Peraduan kali ketiga itu telah di-adakan pada minggu lalu di-Dewan Sekolah Melayu Amar Pahlawan. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin telah merasmikan peraduan tersebut sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain.

Peraduan tersebut ada-lah projek tahunan persatuan PERANGKAB bersempena hari keputeraan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Sa-banyak 10 buah pasokan — lima lelaki dan lima perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

## Sokan Ria antara Mukim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 300 orang pendudok dari Mukim2 di-Daerah Brunei-Muara telah mengambil bahagian dalam Sokan Ria yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada hari Ahad lalu.

Sokan tersebut di-adakan bersempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun dan telah di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan bagi Daerah Brunei-Muara.

Sokan yang julong2 kali di-adakan itu telah di-sertai oleh 16 buah Mukim di-Daerah Brunei-Muara.

Sa-banyak 17 achara sokan termasok permainan gasing telah di-pertandingkan pada hari itu.



KEJOHANAN Golf Terbuka Brunei yang pertama telah berakhir dengan peserta dari Singapura, Bill Bosley telah berjaya memenangi Oskar kornia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dalam bahagian lelaki dan Dayang Judy Hamshere berjaya merebut Oskar yang di-hadiahkan oleh Menteri Besar Bunei, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.

Kejohanan sa-lama tiga hari itu di-anjorkan oleh Persatuan Golf Negeri Brunei dan telah di-adakan di-Padang Golf Panaga, Seria.

Sa-ramai 180 orang peserta dari Sabah, Sarawak, Singapura, Malaysia, Hong Kong dan Brunei telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Speaker Dewan Majlis, YAM Pengiran Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar bin Pg Umar yang kelihatan gambar atas sedang menyampaikan Oskar Kejohanan kapada Dayang Judy Hamshere.



## Majlis Do'a Selamat bagi ahli2 W.I.

PERTUBOHAN Perkumpulan Perempuan Brunei —WI telah mengadakan dua majlis do'a selamat yang berasingan pada minggu lalu untok ahli2-nya yang akan menunaikan fardhu haji tahun ini.

Majlis Do'a Selamat bagi ahli2-nya di-Daerah Brunei-Muara telah di-adakan di-Dewan Bandaran di-Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas sementara majlis yang sama bagi ahli2-nya di-Daerah Tutong pula telah di-adakan pada hari Ahad.

Majlis di-Dewan Bandaran itu juga di-adakan sa-bagai penghormatan kapada Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris yang telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan membacha Kor'an perengkat antarabangsa di-Kuala Lumpur dalam bulan Ogos yang lalu.

